

Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2 JLD.3(56)
Tarikh : 27 Mac 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SEMAKAN AKAUN PENYELESAIAN GAJI L1311903 – SUMBANGAN BADAN BERKANUN BAGI TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Akaun Penyelesaian Gaji L1311903 perlu berbaki sifar setiap bulan. Sehubungan itu, Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah menyelesaikan Baucar Pendapatan Bercukai (K6) dan Baucar Invois Tanpa PT / Caruman KWSP (K2) sehingga Peraku 2 selewat-lewatnya pada 26hb setiap bulan bagi memastikan akaun penyelesaian gaji ini berbaki sifar pada akhir bulan.
3. PTJ hendaklah memastikan baucar K2 diselesaikan dengan segera apabila baucar K6 telah disediakan bagi mengelakkan terdapat baki pada akaun penyelesaian gaji pada akhir bulan.
4. PTJ boleh membuat semakan baki akaun penyelesaian gaji ini di Portal iGFMAS. Bersama-sama ini dilampirkan tatacara menyemak baki akaun penyelesaian gaji untuk perhatian dan makluman semua PTJ.
5. Mohon kerjasama semua PTJ untuk mematuhi arahan yang telah ditetapkan dan segala kerjasama yang diberikan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**